

Buku panduan bagi karyawan kesihatan mental

UNIVERSITI Pengurusan Singapura (SMU) Jumaat lalu melancarkan buku yang menyediakan maklumat bagi pengamal dan karyawan kesihatan mental di sekolah dan institusi.

Berjudul A Basic Guide to Peer Helping (Panduan Asas Membantu Golongan Sebaya), ia hasil usaha bersama empat kaunselor SMU berdasarkan pengalaman mereka dan pandangan yang dikumpul semasa mengendalikan program Membantu Rakan-Rakan di SMU sejak beberapa tahun lalu.

Konsep dan maklumat dalam buku itu boleh digunakan bagi membantu karyawan, pendidik dan pemimpin pentadbiran yang berminat atau sedang mempertimbang kemungkinan menubuhkan program yang dipimpin golongan sebaya di institusi mereka.

Pelancaran buku itu pendahulupelancaran Pusat Kesihatan Pelajar Cik Wong Kwok Leong, yang akan dibuka April ini.

Kemudahan baru yang bakal didirikan di dataran besmen kampus SMU itu dinamakan sempena Cik Wong Kwok Leong, seorang dermawan berusia 74 tahun yang telah mengikrar \$1.6 juta dalam bentuk endowmen kepada universiti tersebut.